

## Amalan Pemberian Bantuan Zakat Kepada Orang Bukan Islam Mangsa Bencana Alam Di Malaysia

### *[The Practice of Zakat Assistance Distribution to Non-Muslim Victims of Natural Disasters in Malaysia]*

**Basri bin Ibrahim al-Azhari** (Corresponding Author)

*Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)*

*Kampus Gong Badak,*

*21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia/*

*Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),*

*02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia*

*Email: [Profbasri67@kuips.edu.my](mailto:Profbasri67@kuips.edu.my)*

**Nik Faisal bin Nik Ismail**

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)*

*02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia*

*Email: [nikfaisal@kuips.edu.my](mailto:nikfaisal@kuips.edu.my)*

**Atif Bin Che Adnan**

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)*

*02600 Pauh Putra, Perlis, Malaysia*

*[atifadnan@kuips.edu.my](mailto:atifadnan@kuips.edu.my)*

*Article*

*Progress:*

*Submission date:*

*20-11-2025*

*Accepted date:*

*15-12-2025*

### **ABSTRACT**

*In Islam, zakat is only prescribed for the eight categories of asnaf. Non-Muslims are not included among the eight categories of asnaf who are entitled to receive zakat. The issue that arises is whether it is permissible to distribute zakat to non-Muslims who become victims of natural disasters under the category of muallaf or asnaf fi sabilillah. This article aims to examine the practice of distributing zakat to non-Muslims who are victims of natural disasters in Malaysia by analysing it from the perspective of Islamic law as well as its implementation by zakat institutions. The methodology employed in this study is qualitative in nature. Data were obtained from document analysis sources based on classical and contemporary tafsir works, hadith, fiqh literature, websites, and others. The data were analysed using inductive, deductive, and comparative methods. The findings of the study indicate that, in principle, the majority of scholars are of the view that zakat may only be given to Muslims. However, some contemporary scholars allow zakat to be given to non-Muslims under the category of muallaf (muallaf al-qulubuhum), if there is an emergency situation that necessitates assistance through zakat. In the context of natural disasters and urgent humanitarian needs in Malaysia, several zakat institutions have implemented the distribution of zakat to*

*non-Muslims by interpreting the category of fi sabilillah based on masalah 'ammah (public interest). The Federal Territory Islamic Religious Council (MAIWP) and the Selangor Zakat Board (LZS), for example, have adopted a flexible and contextual approach in distributing zakat to non-Muslims who are victims of natural disasters. This approach is seen to strengthen the image of Islam as a religion of mercy and to support the objectives of maqasid al-shariah, particularly in preserving life and fostering harmony among religions. However, such zakat assistance is provided only on a one-off basis. The state of Perlis, which has issued a fatwa requiring zakat assistance to be given to non-Muslims who are victims of natural disasters in emergency situations, represents an exception. Nevertheless, in practice, such zakat assistance has not been implemented in the true sense. Other states tend to adopt a cautious approach and do not provide zakat assistance to non-Muslims, even when they are involved in natural disasters. This is intended to ensure the integrity of zakat distribution is maintained. It is hoped that this study will help Muslims in Malaysia to understand the changes in fatwas that occur when facing emergency situations.*

**Keywords:** *zakat, non-Muslims, natural disasters, fi sabilillah, maqasid al-shariah, Malaysia*

## PENDAHULUAN

Zakat termasuk ke dalam salah satu rukun Islam yang lima. Ia juga merupakan satu bentuk ibadah. Cuma ibadahnya ialah dalam bentuk mengeluarkan jumlah harta tertentu yang mencukupi syarat-syaratnya. Harta ini kemudiannya akan diagihkan kepada golongan yang berhak atau dikenali juga dengan nama golongan asnaf. Terdapat lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat. Ia merupakan satu bentuk bantuan kewangan kepada golongan tersebut bagi membolehkan mereka melepaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Jika zakat tidak wajib dikeluarkan, sudah tentu sukar untuk membantu golongan miskin, fakir dan seumpamanya. Apalagi sikap manusia terhadap harta begitu jelas sekali. Ia merupakan sebahagian daripada perkara yang dicintai manusia dan kadang kala membuatkan mereka bersikap kedekut. Mereka sukar untuk mengeluarkannya kalau ia tidak diwajibkan oleh agama.

Dalam Islam golongan yang berhak mendapat zakat telah disebut dalam firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Tawbah 9:60)

Walau bagaimanapun di pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana alam bukan sahaja terdiri daripada orang Islam bahkan juga orang-orang bukan Islam. Apabila bantuan zakat dihantar kepada orang Islam di pusat tersebut, ia turut disaksikan oleh orang bukan Islam. Sehubungan dengan itu adakah harus memberikan zakat kepada orang bukan Islam yang menjadi mangsa bencana alam? Jika harus diberikan, adakah boleh diberikan atas dasar membantu golongan muallaf?

Oleh yang demikian, artikel ini dihasilkan bertujuan mengupas amalan memberikan zakat kepada orang bukan Islam yang menjadi mangsa bencana alam di Malaysia. Adakah ia pernah berlaku ataupun tidak? Ini kerana tanggapan biasa bagi mana-mana umat Islam adalah memberikan zakat kepada bukan Islam adalah tidak diharuskan. Apabila ia tidak harus bererti tidak mungkin berlaku pemberian bantuan zakat kepada orang bukan Islam yang menjadi mangsa bencana alam. Persoalannya sejauh manakah kebenaran bagi dakwaan tersebut dan pandangan manakah yang lebih relevan dan berpotensi memaksimumkan manfaat daripada pengalihan harta zakat?

## KAJIAN LITERATUR

Setakat pencarian pengkaji, masih tidak terdapat penulisan yang menyentuh secara langsung tentang amalan pemberian zakat kepada orang bukan Islam yang menghadapi bencana alam di

Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat beberapa penulisan yang dapat membantu kajian ini. Antaranya ialah *Fiqh al-Zakah* oleh al-Qaradawi (1973), *Agihan Zakat kepada Bukan Islam di Malaysia: Satu Analisis Hukum dan Pelaksanaan* oleh Shafie, (2018), *Ta'lif al-Qulub 'ala al-Islam bi Amwal al-Sadaqah* oleh al-Asyqar, (1992) dan lain-lain.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah berdasarkan kualitatif. Data-data dipungut berdasarkan penyelidikan berteraskan analisis dokumen yang dilakukan oleh penulis terhadap buku-buku tafsir, hadis, fiqh zakah, fatwa semasa, fiqh mazhab al-Syafi'i, fiqh mazhab empat dan laman web beberapa buah jabatan mufti di Malaysia. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan kaedah induktif, deduktif dan juga komparatif.

## DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Dapatan bagi kajian ini dapat diikuti sebagaimana di bawah.

### Definisi Zakat Menurut Bahasa dan Istilah Syarak

Zakat dari segi bahasa membawa maksud berkembang, berkat dan kebaikan yang banyak. Ia dikaitkan juga dengan pembersihan. Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا

Maksudnya: *Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).*

(al-Syams 91:9)

Ia juga dikaitkan dengan makna pujian. Firman Allah SWT:

فَلَا تُزَكُّوا أَنْفُسَكُمْ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اتَّقَى

Maksudnya: .... *maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertakwa.*

(al-Najm 53:32)

Dari segi syarak zakat membawa maksud nama bagi kadar tertentu harta yang tertentu yang diagihkan kepada golongan-golongan yang tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Allah. Dinamakan sebagai zakat kerana harta berkembang menerusi keberkatan mengeluarkannya dan doa orang yang menerima zakat tersebut (al-Zuhaili, 2007.1:316). Firman Allah SWT:

وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبِّ لِيَرْبُؤُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُؤُوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

Maksudnya: *Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda*

(al-Rum 30:39)

### Asas Pensyariatian Zakat Dalam Islam

Asas pensyariatian zakat telah ditetapkan dalam a-Quran dan *al-Sunnah*. Daripada al-Quran ialah firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

(al-Tawbah 9:103)

Manakala daripada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.

الإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤَدِّيَ الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ

Maksudnya: *Islam ialah anda menyembah Allah dan tidak mensyirikannya dengan sesuatu, mendirikan solat fardu, mengeluarkan zakat dan berpuasa pada bulan Ramadan.*

(al-Bukhari:50)

### Masa Difardukan Zakat

Zakat difardukan pada bulan Sya'ban tahun kedua hijrah, berserta dengan zakat fitrah. Sesetengah ulama berpendapat zakat fitrah difardukan selepas daripada pensyariatian zakat pada bulan Ramadan tahun kedua hijrah (al-Bugha, al-Khin dan al-Syarbaji,2013.1: 271).

## Hukum Mengeluarkan Zakat

Hukum mengeluarkan zakat adalah wajib berdasarkan nas daripada al-Kitab, al-Sunnah dan juga ijmak ulamak. Daripada nas al-Kitab antaranya ialah firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ ۖ بِجَدْوهِ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: *Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.*

(al-Baqarah 2:110)

Dalil daripada al-Sunnah pula ialah, sabda Rasulullah SAW dalam hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar r.a:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: *Islam dibina di atas lima rukun iaitu bersaksi bahawasanya tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan fardu haji dan juga berpuasa pada bulan Ramadan.*

(al-Bukhari:8)

Ulamak telah berijmak dari segi kewajipan mengeluarkan zakat daripada zaman Rasulullah SAW, para sahabat sehingga ke zaman ini. Sesiapa yang menolak kewajipan mengeluarkan zakat, adalah kafir, kecuali jika baru memeluk Islam atau membesar di kawasan pendalaman yang jauh daripada penempatan orang ramai. Orang yang enggan mengeluarkan zakat, hendaklah diambil zakat itu secara kekerasan atau paksaan, sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Bakar r.a terhadap golongan yang enggan mengeluarkan zakat (Ahmad Isa 'Asyur 2001.1:162).

## Hukum Mengeluarkan Zakat Kepada Bukan Islam

Keharusan pemberian zakat kepada orang bukan Islam menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Al-Imam al-Syafi'i r.a berpendapat tidak boleh dikeluarkan zakat kepada mereka. Pendapat yang sama dikeluarkan oleh ulama lain. Pendapat ini beliau sebutkan dalam karyanya yang terkenal *al-Umm*, (2001.2:338) katanya: "Golongan mu'alaf (mereka yang dijinakkan jantung hati) ialah sesiapa yang masuk ke dalam Islam. Zakat tidak diberikan kepada

golongan musyrik untuk menjinakkannya dengan Islam. Jika ada yang berkata: Ketika peperangan Hunain Nabi telah memberikannya kepada sebahagian mualaf dalam kalangan musyrikin. Jawabannya: Itu adalah pemberian daripada harta *fai'* (harta rampasan), atau harta Nabi milik SAW sendiri. Bukan harta zakat.

Pendapat al-Imam al-Syafi'i r.a tersebut telah menjadi pegangan dalam Mazhab al-Syafi'i. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah kalau tokoh-tokoh ulama dalam mazhab al-Syafi'i menegaskan hal yang sama. Ini seperti al-Imam al-Syirazi (1992) dalam *al-Muhazzab*, al-Imam al-Nawawi dalam *al-Majmu'* (1994) dan lain-lain. Berdasarkan asas 'kekufuran' itu menghalang bukan Islam daripada menerima peruntukan zakat. Dengan itu dalam mazhab al-Syafi'i orang bukan Islam tidak boleh menerima bantuan zakat sama ada atas tiket kefakiran mahupun mualaf.

Namun begitu sebahagian ulama menyatakan mereka boleh menerima zakat atas peruntukan mualaf iaitu yang dijinakkan jantung hati mereka kepada Islam. Ini seperti yang dinaskan oleh al-Quran dalam Surah al-Tawbah ayat 60 di atas. Peruntukan ini merangkumi mereka yang masih kafir dan yang telah menjadi orang Islam. Imam Ibn Qudamah menyatakan dalam *al-Mughni* (1997.9:317) mualaf terdiri daripada dua bahagian iaitu golongan Islam dan golongan yang bukan Islam yang mana mereka merupakan pemimpin yang ditaati oleh kaum dan keluarga mereka. Bahagian bukan Islam ini pula terdiri daripada dua kelompok iaitu pertama; orang yang diharapkan menganut Islam. Untuk orang ini zakat diberikan agar hasrat keislamannya bertambah dan jiwanya cenderung kepada Islam, lalu menjadi orang Islam. Kelompok kedua; orang yang dibimbangkan kejahatannya. Diharapkan dengan pemberian zakat akan menghalang kejahatannya dan mereka yang bersamanya.

Inilah pendapat yang dinilai lebih kuat oleh Yusuf al-Qaradawi dalam *Fiqh al-Zakah* (1973) Abd al-Karim Zaidan dalam *al-Mufasssal* (1993), 'Umar Sulaiman al-Asyqar dalam kertas *Ta'lif al-Qulub 'ala al-Islam bi Anwal al-Sadaqah* (1992) dan lain-lain. Berdasarkan pendapat ini boleh diberikan zakat bahagian mualaf kepada bukan Islam yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat mereka yang diharapkan pemberian itu menggalakkan dia atau pengikutnya menerima Islam, atau mengurangkan sikap permusuhan terhadap Islam. Pendapat ini disokong oleh pelbagai riwayat yang menjelaskan Nabi SAW memberikan zakat kepada pemimpin-pemimpin Arab yang masih kafir seperti Safwan bin Umayyah. Safwan pernah berkata:

وَاللَّهِ لَقَدْ أَعْطَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أَعْطَانِي وَإِنَّهُ لَأَبْغَضُ النَّاسِ إِلَيَّ فَمَا بَرَحَ يُعْطِينِي

حَتَّى إِنَّهُ لَأَحَبُّ النَّاسِ إِلَيَّ

Maksudnya: *Demi Allah! Rasulullah SAW memberikan kepadaku begitu banyak. Dahulunya, dia adalah orang yang paling aku benci. Dia terus memberi kepadaku sehingga dia menjadi orang yang paling aku sayangi.*

(Muslim:59)

Walaupun Mazhab Shafi'i dan selainnya menyatakan nas Surah al-Tawbah itu bermaksud mereka yang sudah menganut Islam dan kisah Nabi SAW memberikan harta kepada pembesar-pembesar Arab yang masih kafir itu diambil daripada peruntukan selain zakat, namun di sana ada ayat al-Quran lain yang menunjukkan Nabi memberikan zakat kepada bukan orang Islam. Firman Allah SWT:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطَوْا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْحَطُونَ وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ سَيُؤْتِينَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ

Maksudnya: *Dan antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (mengikut kehendak mereka) mereka suka, dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah. Dan (alangkah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada mereka dan berkata: "cukuplah Allah bagi kami; Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurnia-Nya, demikian juga Rasul-Nya; Sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah.*

(al-Tawbah 9:58-59)

Menurut 'Umar Sulaiman al-Asyqar (1992) nas di atas menjelaskan golongan terlibat yang mendapat zakat bertujuan menjinakkan hati mereka kepada Islam. Ini bermakna mereka belum menganut Islam. Jika tidak, mana mungkin mereka akan mencela Rasulullah SAW kerana itu perbuatan yang kufur. Justeru, ayat di atas membawa maksud Rasulullah SAW memberikan zakat kepada orang bukan Islam untuk dijinakkan hati mereka pada zaman baginda SAW.

Pendapat yang menyatakan harus zakat bahagian mualaf diberikan kepada orang bukan Islam dalam kategori mualaf dengan tujuan dakwah adalah lebih kukuh dan sangat relevan untuk masa kini. Hari ini Islam disalahfahami dan dituduh sebagai agama yang negatif. Pemberian zakat

kepada mualaf yang sudah beragama Islam dan belum beragama Islam dapat membantu memelihara keindahan Islam.

Selain daripada peruntukan zakat kepada orang bukan Islam atas nama mualaf, para ulama juga berbeza pendapat tentang peruntukan zakat fakir miskin kepada orang bukan Islam. Majoriti ulama berpendapat tidak harus. Namun, Yusuf al-Qaradawi dalam *Fiqh al-Zakah* (1973.2:707) memilih pendapat ulama yang mengharuskan ia diberikan juga kepada orang bukan Islam atas nama golongan mualaf. Antara dalil dalam hal ini ialah sayidina Umar r.a. ketika membaca firman Allah dalam Surah al-Tawbah ayat 60 di atas iaitu: “Sesungguhnya sadaqat (zakat) itu untuk golongan fakir...”, beliau berkata: “Di zamanku ini mereka adalah Ahli Kitab (Yahudi dan Kristian)”.

Para ulama bersepakat peruntukan zakat tidak boleh diberikan kepada orang bukan Islam yang memerangi Islam atau golongan kafir harbi. Ini berasaskan firman Allah:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya: *Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan memberikan sumbangan harta kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*

(al-Mumtahanah 60:8-9).

Bagi orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam sama ada mereka warga negara umat Islam, atau yang ada perjanjian keamanan dengan kerajaan umat Islam, atau anak-anak dan kaum wanita kafir harbi yang bapa mereka memerangi tetapi mereka tidak terlibat, boleh diberikan peruntukan zakat mualaf atau fakir miskin ini.

### **Definisi Bencana Alam**

Bencana alam melibatkan berbagai-bagai definisi. Misalnya dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2004:159) menjelaskan yang dikatakan bencana alam ialah bencana kerana air bah, gempa bumi, angin ribut dan lain-lain.

Dalam *al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah* (t.th.1:552) pula bencana alam dikenali dengan istilah *al-kawarith*. *Al-Kawarith* membawa maksud peristiwa yang berlaku secara mendadak, tiba-tiba dan menimbulkan kesan yang mendukacitakan dalam kehidupan kebanyakan orang ramai.

### **Amalan Pemberian Zakat Kepada Bukan Islam Kerana Kesusahan Akibat Bencana Alam**

Pada dasarnya di Malaysia, Majlis Agama Islam biasanya meletakkan syarat ketat dalam pemberian zakat sesuai dengan nas tentang asnaf yang berhak menerima zakat. Zakat pada kebiasaannya diberikan kepada orang Islam. Dalam melibatkan bencana besar sekali pun bantuan disalurkan kepada bukan Islam melalui peruntukan kebajikan umum atau tabung khas dan bukan melalui wang zakat secara langsung (JAKIM,2013).

Pemberian bantuan zakat kepada mangsa bencana alam termasuk orang bukan Islam pernah berlaku di Malaysia. Pada tahun 2014, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah memberi bantuan kepada mangsa banjir di Kelantan yang termasuk bukan Islam, dengan alasan masalah umum dan dakwah. MAIWP menjelaskan bantuan itu diberi di bawah kategori asnaf fi sabilillah, iaitu untuk kepentingan jalan Allah termasuk memelihara imej Islam dan menunjukkan keprihatinan Islam terhadap masyarakat. Zakat yang disalurkan yang disalurkan kepada individu bukan Islam bukanlah dalam bentuk wang, tetapi dalam bentuk keperluan umum seperti bantuan makanan, kesihatan dan tempat tinggal sementara (MAIWP, 2015). Selepas daripada tahun tersebut tidak terdapat lagi laporan yang menjelaskan pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memberikan bantuan zakat kepada orang bukan Islam yang menjadi mangsa bencana alam.

Hujah yang digunakan ialah pertama mereka termasuk dalam kategori asnaf fi sabilillah. Asnaf ini ditafsirkan secara luas oleh ulama masa kini termasuk untuk sebarang usaha yang membawa manfaat kepada Islam dan umat Islam termasuk dakwah, hubungan antara agama, dan pemeliharaan imej Islam. Al-Qaradawi (1973) menyatakan asnaf fi sabilillah bukan hanya merujuk kepada jihad, tetapi segala usaha yang mendekatkan manusia kepada Islam dan memelihara kepentingan umat.

Hujah kedua pula ialah menjaga maqasid syariah iaitu maqasid menjaga agama dan nyawa. Dalam konteks bencana, bantuan kepada bukan Islam juga dilihat sebagai satu cara memelihara nyawa (hifz al-nafs) dan menjaga kemuliaan Islam, selari dengan objektif utama syariah (Shafie,2018).

Jabatan Mufti Negeri Perlis (2019) pula memutuskan boleh memberikan zakat kepada bukan Islam yang berada dalam situasi darurat termasuk situasi bencana alam, jika dilihat sesuai oleh pihak berkuasa negeri dan dana lain tidak mencukupi. Jika institusi zakat berperanan dengan betul, ia akan membangunkan umat Islam, dakwah Islam dan membina imej yang baik untuk masyarakat Islam. Jika zakat diuruskan dengan baik, banyak kebaikan yang dapat dilakukan. Walau bagaimanapun keputusan fatwa negeri Perlis di atas terikat jika ia dilihat sesuai oleh pihak pemerintah sahaja. Bermakna jika pemerintah Islam berpendapat harus diberikan bantuan zakat kepada golongan bukan Islam atas nama mualaf ia harus dilakukan terutama apabila keperluan kesemua asnaf berjaya dilaksanakan. Ia juga hendaklah mengambil kira situasi darurat. Jika tidak, maka ia tidak harus diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun sehingga ke tahun 2025 belum ada kes pemberian bantuan zakat kepada bukan Islam yang berada dalam keadaan darurat terutama sekali yang menjadi mangsa bencana alam dilaporkan berlaku di negeri Perlis itu sendiri.

Di negeri-negeri lain mereka mengambil langkah berhati-hati dalam pemberian bantuan zakat kepada mangsa bencana alam. Mereka lebih memilih dana sumbangan awam (sedekah, infaq), peruntukan khas bukan dari dana zakat atau dana daripada tabung mangsa bencana alam. Hal ini bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat terhadap hukum asal zakat yang lebih khusus untuk orang Islam sahaja.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hukum asal, zakat wajib diberikan kepada asnaf orang Islam sahaja. Namun, dalam konteks bencana alam dan keperluan kemanusiaan, terdapat ruang ijtihad untuk membenarkan pemberian zakat kepada bukan Islam jika mereka termasuk dalam kategori mualaf atau atas dasar dakwah dan masalah umum. Di Malaysia Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pernah memberi bantuan kepada mangsa banjir di Kelantan yang termasuk bukan Islam, dengan alasan masalah umum dan dakwah. MAIWP menjelaskan bantuan itu diberi di bawah kategori asnaf fi sabilillah, iaitu untuk kepentingan jalan Allah termasuk memelihara imej Islam dan menunjukkan keprihatinan Islam terhadap masyarakat. Pemberian itu walau bagaimanapun tidak lagi berulang selepas itu. Jabatan Mufti Negeri Perlis memfatwakan harus memberikan bantuan kepada bukan Islam yang berada dalam

situasi darurat terutama yang menjadi mangsa bencana alam. Pemberian tersebut diberikan atas nama mualaf. Namun begitu pemberian secara praktikal belum pernah berlaku di negeri tersebut. Negeri-negeri yang lain berpendapat lebih wajar bantuan kepada bukan Islam yang menjadi mangsa bencana alam diberikan melalui sumber selain zakat, seperti sumbangan sedekah, wakaf, atau tabung bencana alam dan seumpamanya.

**RUJUKAN**

- al-Asyqar, Umar Sulaiman. (1992). *Ta'lif al-Qulub 'ala al-Islam bi Amwal al-Sadaqah*. al-Urdun: Dar al-Naf a'is.
- Asyur, Ahmad Isa. (2001). *al-Fiqh al-Muyassar*. Jil.1 dan 2. Beirut: Dar al-al-Khayr.
- al-Bugha, Mustafa, al-Khin, Mustafa dan al-Syarbaji, Ali. (2013). *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i Rahimahullah*. Jil. 1-3. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah. (1997). *al-Mughni*. Riyadh: Dar al-'Alam Kutub.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2013). *Garis Panduan Agihan Zakat*. Putrajaya: JAKIM.
- Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- al-Mawsu'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah. (t.th). Al-Maktabah al-Syamilah.
- al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf, Abu Zakaria. (1994). *Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Isyad.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu'sasasah al-Risalah.
- Shafie, A. M. (2018). *Agihan Zakat kepada Bukan Islam di Malaysia: Satu Analisis Hukum dan Pelaksanaan*. Jurnal Syariah, 26(2), 155-175
- al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (2001). *al-Um*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- al-Syirazi, Abu Ishak Ibrahim bin Ali al-Syirazi. (1992). *al-Muhazzab*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Zaidan, Abd al-Karim. (1993). *al-Mufassal fi Ahkam al-Quran*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Zainul Abidin, M. A. (2019, December 12). *Bolehkah beri zakat kepada bukan Muslim?* Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/minda-mufti/143-bolehkah-beri-zakat-kepada-bukan-muslim>
- al-Zuhaili, Muhammad. (2007). *al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Syafi'i*. jil. 1. Dimasyq: Dar al-Qalam.